



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS ANUGERAH PENGIKTIRAFAN
PEROLEHAN RM 1 JUTA KOPERASI SEKOLAH**

**3 JULAI 2026 (JUMAAT)
8.45 PAGI
SMK BANDAR RINCHING, SEMENYIH
SELANGOR**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum
Wabarakatuh...

Warahmatullahi

Salam keluarga Malaysia dan Salam
Madani.

Terima Kasih Pengacara Majlis...

(SALUTASI TERKINI AKAN DISEDIAKAN)

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurnia-nya dapat saya bersama-sama warga **SMK Bandar Rinching Semenyih Berhad** bagi menyempurnakan **Anugerah Pengiktirafan Perolehan RM1 Juta Koperasi SMK Bandar Rinching Semenyih Berhad**. Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana diberi kesempatan kepada kita untuk berjumpa pada hari ini.
2. Di kesempatan ini juga, saya bagi pihak Anggota Lembaga ANGKASA merakamkan setinggi – tinggi penghargaan dan **terima kasih kepada anggota koperasi Bandar Rinching Semenyih Berhad, para guru serta semua yang hadir** dan memberi

sokongan dalam menjayakan program pada pagi ini.

3. Tidak lupa juga kepada **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknik Vokasional (BPLTV), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa)** yang tidak pernah jemu memberi sokongan padu dalam membangunkan gerakan koperasi sekolah di negara ini sehingga berada pada tahap sekarang.

Anak-anak, para guru dan hadirin yang saya hormati,

4. Saya dimaklumkan bahawa penubuhan koperasi sekolah ini telah dirancang sejak awal tahun 2005 lagi. Hasil kesungguhan pihak sekolah dengan sokongan Jabatan Pembangunan Koperasi, impian tersebut akhirnya menjadi kenyataan. Sudah tentu perjalanan hampir dua

dekad ini bukanlah sesuatu yang mudah. Kejayaan yang dikecapi pada hari ini lahir daripada komitmen berterusan para pengetua, guru-guru, Anggota Lembaga Koperasi, kakitangan sekolah serta generasi murid yang silih berganti, yang sama-sama menyumbang kepada pembangunan koperasi sekolah ini.

5. Apa yang lebih membanggakan, koperasi sekolah ini tidak hanya tertumpu kepada operasi kedai buku semata-mata, malah berjaya mempelbagaikan aktiviti perniagaan dan perkhidmatannya. Antaranya termasuk perkhidmatan fotostat dan percetakan, penyewaan jubah, tempahan pakaian sukan dan jersi, pembelian barangan panitia, mesin layan diri, kafe guru, makanan sejuk beku, tempahan hamper, baucar koperasi serta cenderamata. Malah, koperasi ini turut pernah meneroka perniagaan kafe internet dan kemudahan ansuran barangan elektrik.

Kepelbagaian ini membuktikan bahawa koperasi sekolah mampu berkembang seiring dengan perubahan zaman dan keperluan warga sekolah.

6. Saya berharap semangat inovasi ini akan terus diperkasakan agar koperasi sekolah ini kekal relevan, menjadi pilihan warga sekolah dan terus menjadi contoh kepada koperasi-koperasi sekolah yang lain.

Anak-anak, para guru dan hadirin yang saya hormati,

7. Koperasi sekolah bukan sekadar tempat murid dan pelajar menjalankan aktiviti jual beli, malah merupakan sebuah bilik darjah kehidupan yang membentuk kepimpinan, memupuk semangat kerjasama serta mengasah bakat dalam bidang keusahawanan. Di sinilah lahirnya generasi yang berani mencuba, kreatif mencipta peluang

dan bersedia menghadapi cabaran dunia sebenar.

8. Saya sering mengingatkan bahawa kejayaan seorang usahawan tidak diukur semata-mata melalui keuntungan yang diperoleh. Lebih penting daripada itu ialah pembentukan sahsiah dan nilai diri. Peganglah teguh nilai amanah, jujur, bertanggungjawab, prihatin, gigih berusaha serta sentiasa mengutamakan kualiti perkhidmatan. Apabila nilai-nilai ini menjadi pegangan, insya-Allah bukan sahaja kejayaan dalam perniagaan dapat dicapai, malah kita akan melahirkan usahawan yang berintegriti, dihormati dan mampu memberi manfaat kepada masyarakat serta negara.

9. Nilai-nilai murni inilah yang menjadi asas kepada aspirasi negara untuk melahirkan lebih ramai usahawan yang berdaya saing dan berintegriti, selaras dengan aspirasi **Dasar Keusahawanan**

Nasional 2030 dan Dasar Koperasi Malaysia 2030 yang meletakkan gerakan koperasi sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi yang mampan, adil dan inklusif.

Anak-anak sekalian,

10. Melalui koperasi sekolah, anda bukan sahaja belajar tentang dunia perniagaan, tetapi juga mempelajari nilai-nilai koperasi seperti kerjasama, demokrasi, tanggungjawab dan saling membantu. Nilai-nilai inilah yang akan membentuk jati diri sebagai insan yang bukan sahaja cemerlang dalam pelajaran, malah memiliki kepimpinan, empati dan semangat berkhidmat kepada masyarakat. Inilah juga hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu melahirkan modal insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.
11. Saya percaya, pengalaman yang anak-anak peroleh melalui koperasi

sekolah hari ini merupakan satu pelaburan yang amat bernilai. Mungkin hari ini anda belajar mengurus jualan, menyusun stok atau melayan pelanggan. Namun, pengalaman kecil inilah yang akan membina keyakinan, disiplin dan kemahiran yang suatu hari nanti mampu menjadikan anda seorang usahawan, profesional atau pemimpin yang berjaya.

12. Selaku **Badan Apeks Koperasi Negara, ANGKASA** akan terus **memperkuh pembangunan koperasi sekolah** melalui pelbagai program, latihan dan bimbingan yang dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta keyakinan diri murid. Kita mahu lebih ramai pelajar mendapat peluang untuk belajar memimpin, mengurus perniagaan dan membuat keputusan secara bertanggungjawab dalam suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

13. ANGKASA juga akan terus **bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) serta Kementerian Pendidikan Malaysia** bagi memastikan koperasi sekolah terus relevan sebagai platform melahirkan generasi yang berdaya saing, berintegriti dan mempunyai semangat kerjasama yang tinggi.

Anak-anak sekalian,

14. Tahukah anda bahawa koperasi bukanlah sesuatu yang kecil atau hanya wujud di sekolah semata-mata? Sejak dahulu lagi, gerakan koperasi telah memainkan peranan besar dalam membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat dan menjadi antara penyumbang penting kepada pembangunan ekonomi negara.
15. Begitu juga dengan koperasi sekolah. Berdasarkan perangkaan yang

dikeluarkan oleh SKM pada Disember 2025, terdapat **2,512 koperasi sekolah** di seluruh Malaysia dengan keanggotaan melebihi **2.1 juta murid dan pelajar**. Bersama-sama, koperasi sekolah telah mengurus **aset bernilai hampir RM549 juta, syer/yuran berjumlah RM 31 juta** dan mencatatkan **perolehan melebihi RM604 juta**. Angka ini membuktikan bahawa apabila diberi peluang dan kepercayaan, murid sekolah juga mampu mengurus organisasi serta perniagaan dengan cemerlang.

16. Apa yang lebih membanggakan, **sehingga tahun kewangan 2025, 50 koperasi sekolah di Malaysia telah berjaya mencatatkan perolehan melebihi RM1 juta**. Daripada jumlah itu, **dua (2) koperasi sekolah telah melepasi perolehan RM2 juta**, manakala **sebuah (1) koperasi sekolah telah mencapai perolehan melebihi RM3 juta**. Ini merupakan pencapaian yang amat membanggakan dan membuktikan

bahawa koperasi sekolah mampu berdiri sama hebat dengan koperasi dewasa.

17. Lebih istimewa lagi, **koperasi sekolah anda juga tersenarai dalam kelompok koperasi sekolah yang berjaya mencapai perolehan melebihi RM1 juta.**

Tahniah saya ucapkan kepada pihak sekolah, para guru, anggota lembaga koperasi, dan khususnya anak-anak sekalian yang menjadi nadi kepada kejayaan ini. Berikanlah tepukan yang gemuruh untuk diri anda semua.

18. Saya berharap kejayaan ini bukanlah penamat, sebaliknya menjadi pembakar semangat untuk terus melakar lebih banyak kecemerlangan. Semoga suatu hari nanti, koperasi sekolah ini bukan sahaja dikenali sebagai koperasi berjaya di Malaysia, malah menjadi contoh kepada sekolah-sekolah lain dalam melahirkan generasi usahawan dan pemimpin koperasi masa hadapan.

RINGKASAN PERANGKAAN AM KOPERASI SEKOLAH MENGIKUT NEGERI 2025
GENERAL STATISTICS ON SCHOOL CO-OPERATIVES BY STATE 2025

NO. NO.	NEGERI STATE	BILANGAN KOPERASI NUMBER OF CO-OPERATIVES	ANGGOTA MEMBERSHIP	SYER SHARES	ASET ASSETS	PEROLEHAN TURNOVER
				RM JUTA / MILLION		
1	JOHOR	284	285,354	4.12	78.34	74.85
2	KEDAH	203	140,974	2.22	45.84	41.12
3	KELANTAN	168	124,013	2.29	31.54	46.15
4	MELAKA	87	74,693	0.94	20.55	24.79
5	NEGERI SEMBILAN	128	113,172	1.48	30.01	36.19
6	PAHANG	211	125,116	2.12	37.14	42.58
7	PERAK	264	145,478	2.77	51.67	53.73
8	PERLIS	33	21,277	0.24	6.22	8.66
9	PULAU PINANG	139	70,227	1.78	27.82	26.51
10	SABAH	232	223,287	2.22	33.65	39.21
11	SARAWAK	194	206,649	2.14	47.75	48.33
12	SELANGOR	292	384,646	5.19	81.61	89.89
13	TERENGGANU	162	109,267	1.96	30.94	44.86
14	WILAYAH PERSEKUTUAN	115	100,292	1.67	25.85	27.43
JUMLAH / TOTAL		2,512	2,124,445	31.14	548.92	604.31

Anak-anak, para guru dan hadirin yang saya hormati,

19. Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan sokongan ANGKASA sentiasa berusaha memperkukuh koperasi sekolah supaya terus berkembang, relevan dan mampu memenuhi keperluan semasa. Pelbagai penambahbaikan telah dilaksanakan bagi membolehkan koperasi sekolah meneroka lebih banyak aktiviti perniagaan, di samping

memastikan pengurusannya sentiasa telus, teratur dan berintegriti.

20. Ini bermakna, **koperasi sekolah pada hari ini tidak lagi terhad kepada penjualan alat tulis atau makanan ringan semata-mata**. Dengan kreativiti dan inovasi, koperasi sekolah boleh meneroka pelbagai aktiviti yang memberi nilai tambah kepada warga sekolah, sekali gus menjadi platform terbaik untuk murid mempelajari kepimpinan, pengurusan kewangan, pemasaran dan semangat bekerjasama.

21. Dalam masa yang sama, koperasi sekolah juga mampu memainkan peranan yang lebih besar dalam membantu kesejahteraan warga sekolah. Sebagai contoh, melalui **Program BA100** yang diperkenalkan oleh ANGKASA, **koperasi sekolah berpeluang menawarkan barangan keperluan harian seperti beras, minyak**

masak, gula dan pelbagai barangan asas lain kepada guru serta kakitangan sekolah pada harga yang berpatutan. Inilah semangat koperasi yang sebenar, iaitu bukan sekadar menjalankan perniagaan, tetapi berkongsi manfaat dan membantu meringankan beban anggota serta komuniti.

22. Atas sebab itulah **ANGKASA sentiasa memberikan perhatian yang serius terhadap pembangunan koperasi sekolah**. Kami mahu melihat lebih banyak koperasi sekolah berkembang sebagai organisasi yang kukuh, berdaya saing dan mampu meneroka sektor-sektor baharu yang memberi impak tinggi. Pada masa yang sama, kami mahu melahirkan generasi muda yang berani memimpin, kreatif berfikir, bijak mengurus dan berintegriti.

23. Kepada anak-anak sekalian, saya ingin mengajak anda agar **tidak hanya menjadi pelanggan koperasi sekolah,**

tetapi menjadi anggota yang aktif.

Sertailah aktiviti koperasi, berikan idea-idea baharu dan rebutlah setiap peluang untuk belajar. Pengalaman yang diperoleh hari ini mungkin menjadi titik permulaan kepada kejayaan besar pada masa hadapan.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

24. Sesungguhnya, penjanaaan pendapatan koperasi bukanlah bertujuan mengejar keuntungan semata-mata. Sebaliknya, keuntungan itu dikembalikan semula kepada anggota dan warga sekolah melalui pelbagai manfaat. Koperasi menyediakan barangan dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan, mengagihkan dividen kepada anggota serta membantu sekolah menambah baik kemudahan dan melaksanakan pelbagai aktiviti yang memberi manfaat kepada murid. Inilah keistimewaan koperasi – keuntungan bukan untuk segelintir,

tetapi dikongsi demi kesejahteraan semua.

25. Komitmen ANGKASA juga melangkaui sempadan negara. **Di peringkat antarabangsa, ANGKASA terus memperkukuh kerjasama dengan gerakan koperasi dunia serta berkongsi pengalaman Malaysia dalam membangunkan model koperasi sekolah.** Kita menyasarkan agar model koperasi sekolah Malaysia dapat diperluaskan ke negara-negara ASEAN yang masih belum melaksanakannya, sekali gus menjadikan pengalaman Malaysia sebagai rujukan di peringkat serantau. Usaha ini selaras dengan komitmen ANGKASA untuk memperluaskan kerjasama strategik dengan koperasi luar negara, membuka lebih banyak peluang pertukaran ilmu, pembangunan bakat, jaringan perniagaan dan akses kepada pasaran global.

Anak-anak sekalian,

26. Saya ingin mengajak anda melihat koperasi sekolah daripada sudut yang lebih besar. **Koperasi sekolah bukan sekadar sebuah kedai, tetapi sebuah bilik darjah kehidupan.** Di sinilah anda belajar memimpin, mengurus kewangan, membuat keputusan, bekerja sebagai satu pasukan, berkomunikasi dengan pelanggan serta memikul amanah. Semua pengalaman ini tidak mungkin diperoleh hanya melalui buku teks, sebaliknya dipelajari melalui pengalaman sebenar.

27. Percayalah, **setiap pemimpin yang hebat bermula dengan langkah yang kecil.** Mungkin hari ini anda menjadi ahli jawatankuasa koperasi, membantu menyusun barang di rak, mengurus jualan atau melayani pelanggan. Namun pengalaman inilah yang akan membentuk keyakinan, disiplin dan jati diri untuk menjadi usahawan berjaya, pemimpin koperasi yang disegani,

profesional yang cemerlang, malah pemimpin negara pada masa hadapan.

28. Saya berharap anak-anak sekalian akan terus menyokong koperasi sekolah, berani membawa idea-idea baharu, memanfaatkan teknologi dan bersama-sama mengangkat koperasi sekolah ke tahap yang lebih tinggi. **Saya juga berharap suatu hari nanti, apabila dunia bercakap tentang kejayaan model koperasi sekolah, Malaysia akan terus menjadi contoh terbaik, dan anak-anak sekalian boleh berbangga kerana pernah menjadi sebahagian daripada kejayaan tersebut.**

29. Akhir kata, marilah kita bersama-sama memperkukuh gerakan koperasi sekolah sebagai medan melahirkan generasi MADANI yang berilmu, berakhlak, berintegriti dan berdaya saing. Semoga koperasi sekolah terus berkembang maju, memberi manfaat

kepada seluruh warga sekolah serta menyumbang kepada kemajuan negara dan gerakan koperasi di peringkat global.

Dengan lafaz بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ, saya dengan sukacitanya merasmikan

“ANUGERAH PENGIKTIRAFAN PEROLEHAN RM 1 JUTA KOPERASI SMK BANDAR RINCHING SEMENYIH BERHAD”

Sekian, wabillahi taufik walhidayah,
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.